



MAJLIS DAERAH KAMPAR

KENYATAAN SEBUTHARGA

1.0 Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat kerja-kerja sebutharga di Daerah Kampar, dipelawa untuk menyertai sebutharga di bawah ini:-

Bil.	No. Tawaran	Tajuk	Kelayakan Gred/ Pengkhususan	Harga Borang (RM)
1	MDKpr/SH/K/ 28-2020	Menaik taraf Jalan Raya Dan Papan Tanda Asas (Landmark) Di Kawasan Perindustrian Mambang Diawan 2, Kampar	G2 CE01,CE21	50.00

- 2.0 Dokumen Sebutharga boleh didapati pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka mulai **23 September 2020** dengan dikenakan bayaran bagi dokumen sebutharga mengikut harga yang tertera sebelum tarikh tutup.
- 3.0 Satu lawatan tapak/taklimat akan diadakan pada **24 September 2020** jam **9.30 pagi**. Kontraktor-kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** hadir ke Pejabat Majlis Daerah Kampar dengan membawa sijil **ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** oleh **CIDB** serta **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** oleh **BPKU** yang masih sah tempoh. Perlu Surat Perwakilan Kuasa hadir lawatan tapak bagi mewakili mana-mana syarikat.
- 4.0 Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada syarikat yang hadir ke lawatan tapak sahaja dan wakil sah syarikat dengan menunjukkan dan mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa.
- 5.0 Dokumen sebutharga yang telah diisi dengan lengkapnya hendaklah dialamatkan kepada **Yang Dipertua, Majlis Daerah Kampar, Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar, Jalan Iskandar, 31900 Kampar, Perak** dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Pejabat Majlis Daerah Kampar tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada **1 Oktober 2020**.
- 6.0 Majlis Daerah Kampar tidak terikat untuk menerima dokumen sebutharga yang terendah atau sebarang dokumen sebutharga. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebutharga yang tidak terdapat di dalam Peti Tawaran setelah Peti Tawaran dibuka.

(ABDUL HALIM BIN SAAD, AMP)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kampar,
Kampar, Perak.